

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : AGENDA KESAN PERUBAHAN IKLIM

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fenomena kesan perubahan iklim yang telah dikenal pasti?
- b) Adakah ukuran kesan perubahan iklim diambil kira di dalam perancangan dan polisi kerajaan?
- c) Apakah program yang dilakukan untuk kesedaran serta pengurangan impak kesan perubahan iklim?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Laporan *Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)* Tahun 2014, fenomena kesan perubahan iklim hanya dapat dikenal pasti melalui kajian sistem cuaca setempat dengan mengambil kira data cuaca dari 10 hingga 30 tahun.

Buat masa ini, fenomena kesan perubahan iklim boleh dilihat melalui keadaan cuaca seperti peningkatan aras laut, hujan lebat, ribut kencang dan musim kemarau yang berlaku dengan lebih kerap dan kekerapan hujan yang turun tidak mengikut musim monsun

Selain itu, terdapat kajian yang menyatakan bahawa penyakit demam denggi bawaan *vektor* (nyamuk) juga boleh dikaitkan dengan fenomena perubahan iklim.

- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha bagi memastikan perancangan dan penetapan polisi kerajaan dilaksanakan dengan mengambil kira kesan perubahan iklim. Hal ini dapat dilihat melalui penetapan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018 yang merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri ke arah pembangunan mampan dan pengurangan pelepasan karbon di negeri ini.

Pelan ini menumpukan kepada 5 sektor utama iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa dan air. Selain itu, ia turut merangkumi 7 tindakan utama seperti berikut:

- i. Perbandaran Hijau melalui Kerangka Bandar Rendah Karbon (LCCF);
- ii. Perolehan Hijau Kerajaan;
- iii. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik;
- iv. Penggunaan Bas Elektrik bagi Program 'Bas Percuma' di PBT;
- v. Pemasangan Bumbung Solar bagi Projek Perumahan Selangorku;
- vi. Bangunan Cepak Tenaga di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor;
- vii. Program Penghijauan Taman Industri.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah / Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa mengadakan program kesedaran kepada masyarakat dan program yang dapat mengurangkan impak kesan perubahan iklim dari masa ke semasa.

- c) Senarai program kesedaran yang telah dilaksanakan dari tahun 2015 hingga 2017 bagi mengurangkan impak kesan perubahan iklim adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

TAHUN 2015

BIL	PROGRAM	AGENSI PELAKSANA
1	Pj Environmental Expo 2015	MBPJ
2	Program Kesedaran Penjagaan Persisir Pantai & Sungai Bersama Jheo & Jkm – Orang Asli Pulau Indah	MPK
3	Program Tanam Pokok Bersama NGO/Swasta	MPAJ
4	Program Sayangi Dan Pelihara Hutan (Paya Indah Wetland)	MDKL
5	Program Pemeliharaan Alam Semulajadi (Tanaman Kayu Bakau)	PDT Petaling
6	Program Bumi Hijau “Kempen Satu Rumah Satu Pokok	PDT Gombak
7	Program Menanam Pokok Bakau di Tepi Sungai	PDT Sepang
8	Jom Menghijau Kawasan Sekitar	PDT Hulu Selangor
9	Kempen Cintailah Sungai Bernam	PDT Sabak Bernam
10	Program Tanam 1,000 Pokok di Daerah Hulu Langat	PDT Hulu Langat
11	Program Penanaman Semula Spesis Pokok Bakau	LUAS
12	Program penanaman pokok bersama Duta-duta EU	JPNS
13	Program Tanam Pokok di Hutan Raja Muda Musa	JPNS
14	<i>“Climate Change And Water Dialogue 2015”</i>	CETDEM
15	Menghadiri Persidangan Perubahan Iklim Cop 21	Persatuan Belia Perubahan Iklim
16	Program Perlindungan Alam Sekitar Sempena Hari Bumi Sedunia	Persatuan Benih Hijau

TAHUN 2016

BIL	PROGRAM	AGENSI PELAKSANA
1	Program Jalan Kaki Sempena Hari Bumi Daerah Petaling 2016	PDT Petaling
2	Kampungku Permai Menghijau	PDT Klang
3	Program Amalan Hijau dan Tanaman Pokok buah-buahan	PDT Hulu Langat
4	Program Pemuliharaan Pokok Bakau di Sungai Sepang Besar	PDT Sepang
5	Program Kunang-Kunang RDC Sungai Sepang Kecil	PDT Sepang
6	Projek Lanskap dan Penghijauan Tapak Sampah Haram	PDT Kuala Langat
7	Program Tanam Pokok di Taman Alam Dan Sekitar Pekan kuala Selangor	PDT Kuala Selangor
8	Hutan Paya Bakau Jeram	
9	Hutan Simpan Raja Musa Bestari Jaya	
10	Amalan Hijau, Mesra Alam dan Masyarakat Harmoni	PDT Hulu Selangor
11	Program Sempena Sambutan Hari Bumi	MPAJ
12	Program Hari tanpa kenderaan	MPS
13	Program "Rumah dan Lanskap"	MDKL
14	Program Penanaman Pokok-Pokok Nadir di Hulu Selangor	MDHS
15	Menanam pokok Berembang dan pemulihan pokok sediaada dengan pembajaan menggunakan EM Mudball	MDSB
16	Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Kempen Penanaman Pokok	JPNS
17	Program Penanaman Pokok Bakau dan Pembersihan Pantai	LUAS
18	Program Cintailah Bumi	Persatuan Benih Hijau

TAHUN 2017

BIL	PROGRAM	AGENSI PELAKSANA
1	Program Pokok "Petaling" 2017	PDT Petaling
2	Penanaman Pokok Api-Api PDT Klang Anjuran bersama Luas, Jabatan Hutan Daerah Klang, MPK Dan JKKK Kampung Sungai Serdang	PDT Klang
3	Program Tanam Pokok (Buah/ Bakau)	PDT Gombak
4	Pemuliharaan Hutan Paya Bakau di Sg.Burong	PDT Kuala Selangor
5	Pemuliharaan Hutan Paya Bakau Di Dun Bukit Malawati	
6	Program Penanaman Pokok Nadir Di Hutan Bukit Gasing	MBPJ
7	Kempen 1 Rumah 1 Pokok	
8	Projek Landskap Dan Penghijauan Tapak Sampah Haram Kampung Sungai Udang	MPK
9	Program Hari Klang Bebas Karbon : Car Free Zon	
10	Hari Tanpa Kenderaan	MPS
11	Program <i>Car Free and Cycling</i> Bandar Kajang	MPKj
12	Program Hijau Bumi	MDKS
13	Program Penanaman Pokok Bakau Dan Pembersihan Pantai	LUAS
14	Menjalankan Program Menanam Pokok Bakau Dan Pokok Rhu Pantai Di Kawasan Persisiran Pantai Bagan Nakhoda Omar Dan Sungai Lang Yang Mengalami Masalah Hakisan Tebing	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KEROSAKAN LAMPU JALAN DI JALAN BESAR SALAK - SEPANG

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca yang menyebabkan permasalahan ini berlarutan selama 2 tahun?
- b) Apakah tindakan segera yang dapat diambil supaya masalah kesejahteraan rakyat ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Jalan Besar Salak-Sepang (B48) adalah dibawah pentadbiran dan pengurusan pihak JKR. Dimaklumkan oleh pihak JKR bahawa punca kerosakan lampu jalan tersebut disebabkan oleh bayaran bil tertunggak yang belum diselesaikan oleh pihak JKK Kampung kepada TNB. Bil lampu jalan tersebut dibawah nama JKK Kampung Salak
- b) Tindakan segera yang perlu dilaksanakan adalah menyelesaikan bil-bil tertunggak. Penyelarasan bersama Pejabat Daerah, pihak JKK Kampung, JKR dan TNB perlu dibuat bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : TEBATAN BANJIR

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Huraikan prestasi pencapaian usaha tebatan banjir oleh Kerajaan Negeri.
- b) Jelaskan punca dan sebab masih berlakunya kejadian banjir kilat setelah usaha-usaha yang di lakukan dan setelah membelanjakan dana yang sekian banyak.

JAWAPAN:

- a) Setelah projek-projek tebatan banjir dijalankan, terdapat pengurangan kepada kawasan hotspot banjir. Kawasan hotspot banjir ini merupakan kawasan yang berlaku banjir secara berulang. Sehingga tahun 2016, sebanyak 13 projek yang telah dikenalpasti telah memberikan impak yang besar kepada pengurangan kawasan hotspot banjir melalui projek-projek Caruman Parit.
- b) Punca masih berlakunya banjir kilat antaranya adalah kerana hujan yang turun setempat dengan lebat. Kadar ulangan hujan dalam tempoh yang singkat juga merupakan salah satu faktor menyumbang kepada kejadian banjir kilat. Projek penaiktarafan sungai dan juga parit monsun yang dibuat tertakluk kepada rekabentuk yang boleh menampung kapasiti hujan tertentu. Selain itu, pembangunan tambahan yang dibuat selepas kerja menaiktaraf saluran, kadar aliran permukaan air hendaklah dikawal mengikut kadar aliran sediaada. Sekiranya tidak dikawal, akan menyebabkan pertambahan kadar aliran air dan akan menyebabkan berlakunya banjir kilat terutama di kawasan downstream.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : JEJANTAS PEJALAN KAKI DAN MOTOSIKAL HADAPAN SMK MERU
JALAN MERU TAMBAHAN. LALUAN BERTANGGA YANG TERLALU
HAMPIR DENGAN LALUAN JALAN 2 LORONG 2 HALA. KEJADIAN KES
STRUKTUR TIANG DAN JEJANTAS RUNTUH PADA BULAN JUN 2017**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil siasatan dan laporan teknikal punca kejadian tiang dan jejantas motosikal runtuh?
- b) Bagaimanakah laporan dan jaminan keselamatan struktur yang ada?
- c) Apakah perancangan terhadap laluan tangga yang amat hampir dengan jalan yang dinaiktarafkan 2 lorong setiap laluan?

JAWAPAN:

- a) Struktur jejantas motosikal runtuh kerana tiang utama dilanggar lori kontena/treller yang memandu laju.
- b) Kerja pembaikan segera telah dilaksanakan dan struktur jambatan adalah selamat untuk pengguna pejalan kaki.
- c) Telah diambilkira di dalam perancangan projek membina Jalan Meru Tambahan.

Jejantas pejalan kaki ini akan dibina struktur 'Half-New Jersey Barrier' untuk memisahkan pengguna jejantas dan aliran trafik kenderaan dan ianya lebih kukuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PEKERJA ASING

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini pekerja asing di Selangor?
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membendung kebanjiran pekerja asing di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pekerja asing di Selangor sejak Januari 2017 sehingga Jun 2017 adalah seramai **27,349 (Dua Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Sembilan)** orang mengikut pelbagai sektor.
- b) Dalam membendung kebanjiran pekerja asing di Selangor, pihak Kerajaan Persekutuan hanya memberi kebenaran untuk mengambil pekerja asing dari Negara tertentu dan untuk bekerja dalam sektor tertentu sahaja seperti perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Antara Negara – Negara dan sektor yang dibenarkan seperti;-

Negara	Jantina		Sektor
	Perempuan	Lelaki	
Thailand	/	/	Semua sektor (Pembinaan, Perladangan, Pertanian, Perkhidmatan dan Perkilangan)
Kemboja	/	/	
Nepal	/	/	
Myanmar	/	/	
Laos	/	/	
Vietnam	/	/	
Filipina	X	/	
Pakistan	/	/	
Sri Lanka	/	/	
Turkmenistan	/	/	
Uzbekistan	/	/	
Kazakstan	/	/	
India	/	/	

			b. Perkhidmatan (tukang emas, borong/ runcit, restoran-tukang masak, logam/ barang lusuh/ kitar semula, tekstil dan tukang gunting rambut); c. Pertanian; dan d. Perladangan
Indonesia	/	/	Pekerja lelaki Indonesia dibenarkan bekerja dalam semua sektor kecuali sektor perkilangan, manakala bagi wanita Indonesia boleh bekerja di semua sektor.
Bangladesh	/	/	Perladangan secara G2G

Sumber : Kementerian Dalam Negeri.

Selain itu, Jabatan Imigresen Negeri Selangor melalui Bahagian Pekerja Asing hanya memproses permohonan pekerja asing berdasarkan kuota yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja asing perlu mendapatkan kelulusan kuota sepertimana yang disyaratkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Bagi pekerja asing yang digaji tanpa permit, tindakan dan peranan Jabatan Imigresen Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002)

Sumber : Jabatan Imigresen Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah projek tebatan banjir dari tahun 2014 sehingga kini mengikut PBT?
- b) Berapakah jumlah peruntukan bagi melaksanakan projek tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah projek tebatan banjir dari tahun 2014 hingga kini serta peruntukan mengikut daerah adalah seperti di lampiran A di bawah.

DAERAH	2014		2015		2016		2017	
	BIL PROJEK	PERUNTUKAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN
PETALING	9	1,231,914.00	5	2,142,493.00	4	4,218,220.00	3	8,000,000.00
GOMBAK	5	470,170.00	4	40.00	0	0.00	2	3,000,000.00
KLANG	4	1,737,400.00	3	765,520.00	6	23,207,630.00	9	32,000,000.00
HULU LANGAT	11	1,505,440.00	4	390,020.00	4	3,308,131.18	2	4,500,000.00
SEPANG	5	1,450,040.00	2	3,500,055.97	3	1,600,010.00	0	0.00
KUALA LANGAT	1	10.00	1	10.00	0	0.00	0	0.00
KUALA SELANGOR	0	0.00	0	0.00	0	0.00	1	500,000.00
SABAK BERNAM	0	0.00	0	0.00	1	799,990.00	0	0.00
HULU SELANGOR	2	4,000.00	1	1,550,000.00	1	1,252,010.00	0	0.00
JUMLAH	37	6,398,974.00	20	8,348,138.97	19	34,385,991.18	17	48,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN DI DALAM
NEGERI SELANGOR**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang bertanggungjawab memantau projek-projek kerajaan persekutuan seperti projek pemasangan Pilon TNB dan projek pembinaan lebuh raya?
- b) Bilakah Kerajaan Selangor memaparkan semua laporan kajian yang berkaitan seperti laporan penilaian trafik dan LAPORAN PENILAIAN ALAM SEKITAR projek kerajaan persekutuan di laman web?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak menghalang bahkan sentiasa mengalu-alukan sebarang perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang memberi manfaat kepada rakyat. Walau yang demikian, Kerajaan Negeri perlu juga untuk memastikan pelaksanaan projek-projek tersebut mematuhi akta-akta dan peraturan yang telah ditetapkan di peringkat negeri dan juga kerajaan tempatan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Lebuh raya dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam diadakan sebagai forum yang digunakan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan projek-projek infrastruktur Kerajaan Persekutuan seperti projek pemasangan Pilon TNB dan projek pembinaan lebuh raya seperti yang disebutkan. Hal ini ditambah baik apabila Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Seksyen ini dengan jelas telah menyatakan untuk setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak

dijalankannya. Ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

- b) Untuk makluman Y.B. sekalian, laporan-laporan berkaitan pembangunan seperti Laporan Penilaian Trafik atau Laporan Penilaian Alam Sekitar seperti yang dinyatakan merupakan laporan-laporan yang perlu disediakan oleh pihak pemaju selaras dengan akta atau peraturan mengikut bidang kuasa masing-masing di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai pemilikan ke atas laporan-laporan berkenaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak pernah memaparkan sebarang laporan berkenaan di laman web.

Dalam pada itu, dokumen-dokumen ini adalah dokumen terhad kerajaan yang tidak membolehkan ianya didedahkan kepada umum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perancangan pembangunan Sungai Klang di sekitar kawasan bandar Klang?

JAWAPAN:

- a) Koridor pembangunan berpotensi untuk dibangunkan sedang dikenalpasti di sepanjang Sungai Klang. Kerja-kerja perancangan pembangunan di koridor Sungai Klang sedang dilaksanakan melalui penyediaan “master plan” bertujuan memperincikan jenis pembangunan yang bersesuaian dengan keadaan alam sekitar di samping menilai potensi pulangan dan kesan ekonomi daripada pembangunan yang akan dilaksanakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : KEBERKESANAN I- CLEAN APP

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan aduan diterima oleh orang awam sejak permulaan penggunaannya di Majlis Perbandaran Klang.
- b) Berapakah jumlah lori kompaktor dan kakitangan digunakan oleh KDEB untuk mengutip sisa sampah di setiap PBT?
- c) Berapakah kos setiap kompaktor baru dibeli dari Negara Jepun?

JAWAPAN:

- a) Jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Klang melalui Sistem *I-Clean APP* adalah seperti berikut:-

Bulan	Bilangan Aduan
Julai 2016	27
Ogos 2016	10
September 2016	8
Oktober 2016	4
November 2016	4
Disember 2016	4
Jumlah	57

- b) Sebanyak 60 buah lori *Compactor* dan 240 orang kakitangan digunakan untuk mengutip sisa sampah.
- c) Anggaran kos adalah sebanyak RM400,000.00 seunit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PROGRAM LADANG #SMARTSELANGOR

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program tersebut?
- b) Nyatakan jumlah permohonan dan penerima bantuan tersebut.
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan lebih ramai menyertai program tersebut?

JAWAPAN:

- a) Program Ladang Smart Selangor masih lagi di peringkat mengenalpasti kawasan tanah yang bersesuaian memandangkan ianya memerlukan kawasan tanah yang luas bagi menempatkan usahawan-usahawan tani.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan peluang kepada usahawan tani yang berminat untuk menceburi sektor pertanian tidak terhenti, Kerajaan Negeri telahpun mula melaksanakan Program Kebun Rakyat di mana penggunaan kawasan tanah untuk pelaksanaan program tersebut adalah berkeluasan lebih kecil malah hanya dengan keluasan setengah ekar sahaja ianya boleh dilaksanakan, sebagai contoh Program Kebun Rakyat di Daerah Gombak yang terletak di dalam kawasan Pejabat Pertanian Daerah Gombak / Petaling di mana ianya menempatkan seramai 4 orang usahawan tani dari golongan Generasi Muda yang diketuai oleh seorang usahawan tani berkonsepkan tanaman fertigasi yang berpengalaman sebagai mentor projek yang bertujuan untuk memberikan tunjuk ajar serta memastikan usahawan baru tersebut dapat mempelajari serta mendalami ilmu penanaman cili secara terus (*hands-on*).

Pada tahun ini juga, Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti sekurang-kurangnya 2 kawasan yang boleh dilaksanakan program tersebut dalam tempoh masa terdekat bagi melahirkan lebih ramai usahawan tani khususnya di kalangan Generasi Muda.

- b) Memandangkan Program Ladang Smart Selangor masih belum dapat dilaksanakan, tiada bantuan atau insentif yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

- c) Sebagai inisiatif untuk menarik lebih ramai golongan masyarakat khususnya golongan Generasi Muda untuk menceburi bidang pertanian khususnya di dalam Program Ladang Smart Selangor serta Program Kebun Rakyat, beberapa siri seminar dan kursus telah diadakan dan ianya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Tujuan program-program tersebut diadakan adalah untuk memberikan maklumat serta pengalaman awal kepada mereka tentang prospek di sektor pertanian yang boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi yang baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : SISTEM DIGITAL TANAH

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah keberkesanan Sistem tersebut yang dipraktikkan oleh KNS.
- b) Sila kemukakan apakah kelemahan yang dihadapi setelah Sistem tersebut dilaksanakan.
- c) Sila nyatakan jumlah kos yang diperuntukkan dan berapakah kos penyelenggaraan tahunan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, terdapat beberapa sistem digital tanah utama yang digunakan terutamanya di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) iaitu Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), Sistem Pengurusan Hakmilik Strata (eStrata), *Land Bank Library System* (LBLS), sistem eCharting dan *Selangor Land Information System* (SeLIS). Di samping itu, terdapat beberapa sub-sistem yang digunakan oleh PTGS bagi menyokong sistem-sistem utama tersebut seperti sistem e-Consent, sistem Strata2u dan sistem semakan status urusan tanah dan maklumat cukai tanah atas talian (*online*).

Secara keseluruhannya, sistem-sistem yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah menunjukkan keberkesanannya berdasarkan kepada:

- Maklumat digital/elektronik yang disimpan dalam pangkalan data (*database*) adalah lebih sistematik, selamat dan berintegriti daripada bentuk manual (simpanan secara *hardcopy*) kepada data digital;
- Memudahkan dan mempercepatkan proses capaian dan carian data digital tanah;
- Mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan urusan tanah;
- Mengurangkan masalah pertindihan lot, penipuan dan pemalsuan hakmilik tanah;

- Mengurangkan tuntutan saman di Mahkamah berikutan wujudnya data yang sistematik dan tepat;
 - Memudahkan orang awam menyemak status urusan tanah dan maklumat cukai tanah; dan
 - Meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.
- b) Secara keseluruhannya, punca kelemahan sistem-sistem tanah yang wujud adalah melibatkan perkara-perkara diluar kawalan Kerajaan Negeri. Antara kelemahan tersebut ialah:
- Kod sumber (*source code*) sistem utama di Pejabat Tanah Galian Selangor iaitu Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Ini menyukarkan Kerajaan Negeri untuk membuat sebarang penambahbaikan sistem mengikut keperluan semasa.
 - Sistem-sistem utama yang lain sentiasa perlu dinaiktaraf (*upgrade*) selaras dengan:
 - i. Pertambahan transaksi tanah;
 - ii. perubahan undang-undang dan peraturan terbaru;
 - iii. perkembangan teknologi maklumat yang pantas; dan
 - iv. keselamatan dan integriti data daripada diceroboh (*hacking*) secara dalaman atau luaran.

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dan berusaha untuk menambahbaik sistem-sistem tanah dari masa ke semasa. Antara usaha Kerajaan Negeri ialah menyediakan peruntukan RM 4.38 juta bagi tahun 2017 hingga 2019 untuk memperkukuhkan sistem utama tanah Kerajaan Negeri Selangor.

Impak yang ketara di atas usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuhkan kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- Memperkukuhkan dan memantapkan pengurusan dan pentadbiran tanah Kerajaan Negeri; dan
- Meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri.

c) Jumlah kos peruntukan dan kos penyelenggaraan tahunan adalah seperti berikut:

BIL	SISTEM	KOS PEMBANGUNAN (RM)	KOS PENYELENGGARAAN (TAHUNAN) (RM)
1	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)	Tiada kos (Sistem dibangunkan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan)	8,760
2	Sistem Pengurusan Hakmilik Strata (eSTRATA)	774,530	40,800
3	<i>Land Bank Library System (LBLS)</i>	4,454,642	8,750
4	Sistem eCharting	194,100	Tiada kos
5	<i>Selangor Land Information System (SELIS)</i>	640,900	79,213

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sistem eTanah

Kerajaan Persekutuan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan sistem eTanah ke Negeri Selangor secara *Private Funding Initiative (PFI)* iaitu Kerjasama Awam Swasta melalui *Build Operate Transfer (BOT)* oleh Syarikat Puncak Tegap Sdn. Bhd. (PSTB). Pelaksanaan sistem tersebut dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan untuk tempoh 14 tahun di mana dua tahun bagi pembangunan sistem dan 12 tahun bagi penyelenggaraan perkakasan dan sistem.

Merujuk kepada kelulusan pelaksanaan projek tersebut, terdapat beberapa isu berkaitan yang masih di peringkat perbincangan di antara PTG Selangor dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (sebagai pelaksana projek) iaitu **keselamatan data digital tanah, pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian projek dan pembangunan sistem** yang melibatkan ketuanpunyaan (*ownership*) untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Syarikat yang dilantik hanya akan mula melaksanakan projek eTanah di negeri Selangor setelah semua isu tersebut di atas diselesaikan terlebih dahulu.

2. Gangguan Teknikal Sistem Utama dan Sub-sistem berkaitan tanah

Terdapat beberapa insiden gangguan teknikal sistem utama dan sub-sistem tanah di PTGS sepanjang tempoh 1 Januari hingga 12 Julai 2017. Gangguan teknikal daripada perkakasan, perisian dan juga rangkaian ini adalah di bawah kawalan PTGS. Berikut merupakan ringkasan insiden yang telah berlaku:

Bil	Nama Sistem	Tarikh Kejadian	Punca	Tindakan Yang Diambil	Tempoh Sistem Down
1.	Queue Management System (QMS)	27 Feb 2017	Kerosakan kabel rangkaian pada pencetak tiket menyebabkan nombor tiket tidak dapat di keluarkan.	Menukar kabel rangkaian tiket pencetak tiket berkenaan.	1 hari
		13 Mac 2017	Kerosakan perkakasan	Menukar alat ganti pencetak tiket	1 hari

Bil	Nama Sistem	Tarikh Kejadian	Punca	Tindakan Yang Diambil	Tempoh Sistem Down
			pencetak tiket.	berkenaan	
2.	Sistem Permohonan Kebenaran Pindahmilik dan Gadaian Tanah (eConsent)	21 Feb 2017	Kerosakan pada perkakasan (<i>hard disk</i>)	Penggantian <i>hard disk</i> dan pemulihan sistem dengan melaksanakan konfigurasi semula sistem dan pangkalan data.	3 hari
3.	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)	28 April 2017	Saiz storan pada pangkalan data telah mencapai tahap maksimum menyebabkan pangkalan data tersebut tidak boleh menerima kemasukan data.	Membaikbaik saiz storan pangkalan data kepada saiz yang lebih besar.	1 hari
4.	Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT)	28 Jun 2017	Masalah pada sistem pengoperasian <i>server</i>	Konfigurasi semula sistem pengoperasian <i>server</i>	3 jam
5.	MySMS 15888	5 Jun 2017	Gangguan <i>connectivity</i> antara syarikat Mysms dengan syarikat telekomunikasi	Konfigurasi semula <i>connectivity</i> antara syarikat MySMS dan syarikat telekomunikasi.	4 hari
6.	Sistem semakan status urusan tanah:	3 Julai 2017	Kegagalan perkakasan (<i>server</i>).	i. Strata2u masih dalam tindakan pemulihan dan dijangka pulih pada 31 Julai 2017	

Bil	Nama Sistem	Tarikh Kejadian	Punca	Tindakan Yang Diambil	Tempoh Sistem Down
	i. Strata2u ii. ePungutan iii. ePerserahan			ii. Sistem ePungutan masih dalam tindakan pemulihan dan dijangkan pulih pada 17 Julai 2017.	
				iii. Pemulihan sistem ePerserahan telah dilaksanakan dengan konfigurasi semula sistem dan pangkalan data.	8 hari

Pada masa ini, pihak PTGS sedang berusaha untuk membuat penggantian terutamanya melibatkan perkakasan yang rosak atau telah usang (*obsolete*). Walau bagaimanapun, penggantian perkakasan tersebut tertakluk kepada peruntukan kewangan sedia ada dan kelulusan belanjawan tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI KAMPUNG PAYA JARAS, MERBAU
SEMPAK DAN KUBU GAJAH**

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah senarai bilangan Borang 5A yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling menurut nama kampung di atas sehingga bulan September 2017 ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2017 bertarikh 31 Mei 2017, Pejabat Tanah Daerah Petaling akan mengeluarkan Borang 5A bagi 17 permohonan di Kampung Paya Jaras dan 1 permohonan di Kampung Kubu Gajah sehingga bulan September 2017 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PASAR BASAH

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pasar basah di Selangor selesa dan bersih?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf pasar basah di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha bagi memastikan pasar basah di Selangor selesa dan bersih untuk kemudahan rakyat setempat. Antara usaha yang dilakukan oleh PBT Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
 - i. Melaksanakan pemantauan harian ke atas kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor pembersihan kawasan pasar yang dilantik;
 - ii. Melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas peniaga dan penyewa gerai agar sentiasa menjaga kebersihan premis masing-masing;
 - iii. Menjalankan tindakan penguatkuasaan dan pengawalan ke atas peniaga serta kebersihan bangunan melalui Undang-Undang Kecil Pasar Negeri Selangor (2007);
 - iv. Menyusun atur gerai jualan dan mewujudkan pengezonan ruang niaga mengikut kategori jenis perniagaan bagi memastikan kebersihan pasar sentiasa berada di dalam keadaan optimum; dan
 - v. Mengadakan tindakan bersepadu bersama jabatan dalaman PBT dari segi reka bentuk bangunan pasar, kehendak kebersihan peniaga dan bangunan, kawalan makhluk perosak, serta penyediaan kawasan dan kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti kawasan kitar semula, mesin kompos dan reka bentuk tong sampah yang sesuai di kawasan pasar basah.

- b) Jumlah keseluruhan peruntukan menaik taraf pasar basah di kesemua PBT Negeri Selangor dari tahun 2015 sehingga 2017 adalah sebanyak **RM11,997,279.06**. Butiran jumlah peruntukan bagi menaiktaraf pasar basah mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1:-

PBT	Jumlah Peruntukan Bagi Menaiktaraf Pasar Basah (RM)		
	2015	2016	2017
MBSA	752,441.00	578,325.40	0.00
MBPJ	3,510,000.00	1,700,000.00	2,300,000.00
MPK	145,000.00	125,000.00	500,000.00
MPS	195,620.00	457,626.00	233,132.96
MPAJ	0.00	0.00	15,741,770.50
MPKj	100,000.00	200,000.00	200,000.00
MPSp	776,883.00	100,000.00	250,000.00
MDKL	324,992.00	71,242.60	90,938.00
MDKS	100,000.00	100,000.00	206,000.00
MDSB	43,208.00	128,436.50	139,200.00
JUMLAH	5,948,144.00	3,460,630.50	3,919,270.96

Jadual 1: Peruntukan Bagi Menaiktaraf Pasar Basah di PBT Negeri Selangor

* MPSJ dan MDHS tiada peruntukan menaik taraf pasar basah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERINCIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci pecahan peruntukan pembangunan kesihatan bernilai RM136 juta dalam Bajet 2017.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan keberkesanan pelaksanaan peruntukan tersebut?
- c) Nyatakan sasaran dan anggaran jumlah rakyat yang menerima manfaat dan impak dari peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

a) dan c) dijawab bersekali.

Melalui Belanjawan 2017, Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor telah diperuntukkan belanja pembangunan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM136.1 juta. Butiran peruntukan pembangunan tersebut adalah seperti berikut :

Bil	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	ANGGARAN PENERIMA MANFAAT (ORANG)
1.	Skim Peduli Sihat	125,000,000.00	1,000,000
2.	Program Menangani Wabak Denggi	5,000,000.00	Seluruh rakyat
3.	Panel Dialisis Sihat Selangor	5,000,000.00	1,000
4.	Bantuan Sihat Selangor	500,000.00	300
5.	Program Kesihatan Negeri Selangor	600,000.00	Seluruh rakyat
JUMLAH		136,100,000.00	

- b) Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program-program yang telah dirancang di bawah peruntukan tersebut, tindakan pemantauan dan penilaian semula akan dilakukan oleh agensi pelaksana, iaitu urusetia Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN melalui kerjasama rakan-rakan strategik Kerajaan Negeri antaranya seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PTD) dan Selgate Corporation Sdn Bhd. Di

samping itu juga, kajian kepuasan pelanggan turut dilaksanakan bagi semua program di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : RUMAH BURUNG WALIT.

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan terkini terhadap rumah-rumah burung walit sedia ada yang masih beroperasi di rumah-rumah kedai di kawasan bandar yang sebelum ini pernah diberi tempoh tiga tahun untuk berpindah keluar dari kawasan bandar?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk memanjangkan tempoh kelonggaran kepada pengusaha atau pemilik rumah burung walit sedia ada di kawasan komersial, iaitu yang telah membuat pendaftaran lesen sebelum 31 Disember 2013 supaya berpindah ke kawasan pertanian seperti yang terkandung di dalam **Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor PBT:SPBT Bil. 4/2013 Kaedah Pelesenan Rumah Burung Walit Di Kawasan Perniagaan Dan Kawasan Sawah Padi Di Negeri Selangor bertarikh 23 Oktober 2013.**

Cadangan ini perlu diteliti kerana berdasarkan aktiviti perusahaan burung walit sedia ada, didapati banyak yang tidak aktif lagi termasuklah yang diusahakan di kawasan komersial yang berpunca daripada faktor harga pasaran sarang burung walit yang tidak menentu. Namun demikian, bagi sekelompok kecil pengusaha burung walit yang masih aktif mengusahakan perniagaan burung walit di kawasan komersial akan diteliti semula oleh Kerajaan Negeri dari segi penggunaan alatan yang tidak menyebabkan kacauganggu di kawasan di sekelilingnya.

Berdasarkan laporan yang diperolehi daripada pihak PBT bagi tahun 2016, sebanyak **320 premis** burung walit di kawasan komersial telah tidak aktif dan terbiar. Walau bagaimanapun, bagi permohonan baru lesen burung walit yang ingin beroperasi di kawasan komersial adalah tidak dibenarkan oleh semua PBT Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KONSESI PERJANJIAN AIR SELANGOR

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas mengambil alih pengurusan air di Selangor, nyatakan kejayaan dan penambahbaikan yang telah dicapai.
- b) Bagaimana kerajaan menangani masalah NRW?. Terangkan.
- c) Bagaimana dengan aset-aset berkaitan dengan air yang terdapat di Wilayah Persekutuan (luar Selangor)?

JAWAPAN:

- a) Semenjak mengambil alih syarikat-syarikat konsesi air, bermula dengan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") pada 15 Oktober 2015, Air Selangor telah menjalankan pelbagai program transformasi selaras dengan matlamatnya untuk beroperasi dengan lebih cekap dan efisien.

Walaupun masih perlu mengoperasi empat syarikat konsesi air (selain daripada SYABAS dan PNSB, Air Selangor juga telah mengambil alih Konsortium ABASS Sdn Bhd dan Konsortium Air Selangor Sdn Bhd) secara berasingan, Air Selangor bukan sekadar mampu untuk mengekalkan standard perkhidmatan air, malahan mampu untuk mewujudkan suasana kerja yang lebih efektif dan harmoni. Pengenalan polisi-polisi baharu, pewujudan sistem perolehan yang lebih telus, penambahbaikan prosedur operasi standard dan pelbagai lagi inisiatif-inisiatif transformasi untuk meletakkan Air Selangor sebagai sebuah syarikat yang mampan dan berdaya saing.

Sekiranya dilihat dari sudut keberkesanan mutu perkhidmatan air, Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa tahap kecekapan dan mutu serta kualiti perkhidmatan akan sentiasa dipantau dan ditambah baik.

Contohnya, Kerajaan Negeri Selangor dan Air Selangor telah memulakan beberapa program utama termasuk penggantian paip-paip lama dan pembangunan dua loji rawatan air baharu, iaitu loji Labohan Dagang dan Semenyih 2, bagi tempoh 3 tahun yang akan datang.

Kesemua rancangan ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan modal melebihi RM1.3 bilion di bawah Belanjawan Negeri untuk 2017 bagi pembangunan dua loji rawatan air baharu dan kos penggantian paip-paip lama.

Bagi rancangan menaiktarafkan dan/atau penggantian paip air, sebanyak RM125 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2016. Manakala, bermula daripada tahun 2017 sehingga 2019, projek yang dianggarkan berjumlah RM248.7 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan mengikut rancangan Pelan Perniagaan Air Selangor 2017 – 2019.

Bagi menjamin kelancaran projek, Kerajaan Negeri telah meluluskan pinjaman sejumlah RM248.7 juta kepada Air Selangor bagi tujuan berkenaan. Projek tersebut akan melibatkan keseluruhan 61 hotspots yang telah dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan yang paling kritikal berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut: -

- Kekerapan paip bocor/pecah
- Jumlah akaun/premis yang terlibat
- Impak penggantian bagi sesuatu kawasan
- Kos pemasangan paip baharu dan panjang paip

Jumlah 61 hotspots tersebut adalah baki daripada 84 hotspots, seperti yang telah di war-warkan sebelum ini, di mana kerja-kerja penambahbaikan/penggantian paip di 23 hotspots sebahagiannya telah pun dan baki masih sedang dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah disediakan untuk tahun 2016.

Air Selangor juga telah mengambil langkah untuk memperkenalkan sistem khidmat pelanggan dan pengebilan yang baharu dijangka siap pada tahun 2018, yang akan dapat memanfaatkan lebih daripada 9 juta pengguna di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri atau melalui Air Selangor akan mengumumkan perkembangan terkini tentang pencapaian di dalam penyampaian perkhidmatan bekalan air yang terbaik, bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh rantau ini.

b) Antara program yang dirancang dan dilaksanakan untuk mengurangkan kadar NRW adalah seperti berikut:

- i. Pengesanan kebocoran pada paip utama dan paip komunikasi.
- ii. Pembentukan Kawasan Imbangan Air (Water Balance Area) dan Zon Pengurusan Tekanan Air.
- iii. Penggantian paip utama dan komunikasi
- iv. Penggantian meter air lama (melebihi 10 tahun)

v. Zon Pemeteran Daerah (DMZ)

Semua kerja tersebut dijalankan secara dalaman (In-house)

- c) Semua aset air di Wilayah Persekutuan juga dikendalikan oleh Kumpulan Air Selangor selaras dengan peruntukan di bawah perjanjian konsesi Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), PNSB Water Sdn Bhd dan Konsortium ABASS. Ini diperkukuhkan lagi oleh Perjanjian Induk yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad dan Air Selangor yang mengesahkan bahawa Air Selangor adalah pengendali air tunggal di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KERUGIAN AKIBAT BANJIR

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran kerugian infrastruktur awam dan yang dialami oleh penduduk di Hulu Langat akibat banjir yang berlaku pada tahun 2016?
- b) Apakah tindakan drastik kerajaan Selangor menangani masalah kekerapan banjir yang telah berlaku di Hulu Langat sejak lebih 10 tahun lalu?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PROGRAM KHAS SELANGOR BRAIN BANK

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran jumlah pembiayaan yang akan meningkat dari setahun ke setahun dalam program ini?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap pelajar yang terlibat dapat betul-betul menamatkan pengajian mereka?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri hendak memastikan *sustainability* program ini setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Sasaran pembiayaan adalah tertakluk peruntukan tahunan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM8,000,000 sahaja setahun.
- b) Bagi memastikan pelajar tajaan di bawah Program Khas Selangor Brain Bank ini dapat menamatkan pengajian, calon yang benar-benar berpotensi telah dikenalpasti semasa peringkat temuduga oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang telah dilantik oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Setiap penerima juga diwajibkan untuk melapor kemajuan akademik mereka kepada penyelia kedua (second supervisor) yang terdiri daripada ahli akademik yang dilantik oleh Lembaga. Selain itu, penerima juga dikehendaki untuk membayar gantirugi kepada Lembaga TKWBNS sekiranya gagal menamatkan pengajian seperti mana yang telah dinyatakan di dalam Dokumen Perjanjian.
- c) Urus Setia akan mengadakan penambahbaikan program ini dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif program ini tercapai dan dapat dikekalkan seperti mana kehendak *stakeholders* dengan penglibatan daripada pakar-pakar akademik dan industri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini Penstrukturan Semula Industri Air Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : KESESAKAN JALAN MERU DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR BUKIT RAJA / JALAN MERU. PADA SURAT BERTARIKH 20 SEPT 2010 PIHAK MPK TELAH MEMBERI IZIN UNTUK PEMBINAAN SEMENTARA PERSIMPANGAN BERAMPU ISYARAT. PIHAK PEMAJU SIME DARBY BERJANJI UNTUK MULA BINA TAHUN

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kelulusan dan pembinaan persimpangan bertingkat?
- b) Bagaimanakah hasil kajian kesesakan persimpangan tersebut dengan siapnya laluan Lebuh raya Banting/ Taiping?
- c) Apakah langkah dan tindakan diambil bagi mengatasi kesesakan sepanjang jalan Meru?

JAWAPAN:

- a) Status terkini masih lagi dalam proses penyediaan pelan konsep oleh pihak perunding kerana pertindihan jajaran dengan projek WCE. (Tindakan : JKR Selangor)
- b) Perlu merujuk Auditor '*Traffic Impact Assessment*' (TIA) untuk maklumat hasil kajian kesesakan persimpangan tersebut dengan siapnya laluan Lebuh Raya Banting/Taiping.
- c) Cadangan pelebaran Jalan Meru bagi mengatasi kesesakan tersebut.